

D506

U B563 AAB

CHOGM - PERSETUJUAN

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- MENGIKUT **TRADISI**, KOMANWEL MELAKSANAKAN TUGASNYA SECARA PERSETUJUAN RAMAI TETAPI DALAM MEMILIH SETIAUSAHA AGUNGNYA YANG **BARU**, DIPERCAYAI TRADISI ITU TIDAK AKAN DIKUTI.

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (**CHOGM**) AKAN BERMULA PADA RABU **INI** DAN **MENURUT** SUMBER-SUMBER **PERSIDANGAN**, SEHINGGA **INI**, **BELUM** ADA **KOMPROMI** ATAU PERSETUJUAN RAMAI MENGENAI **BAKAL** PENGGANTI KEPADA **SIR SHRIDATH RAMPAL**.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAKU PENERUS **CHOGM**, PADA PERSIDANGAN AKHBARNYA HARI **INI** **BERKATA**, SEKIRANYA PERSETUJUAN **RAMAI** TIDAK **DICAPAI**, PENGUNDIAN AKAN DIJALANKAN UNTUK MEMILIH SETIAUSAHA AGUNG YANG BARU. **SIR SHRIDATH**, YANG TELAH MENJADI SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL SELAMA **15 TAHUN**, BERSARA **PADA** PERTENGAHAN TAHUN DEPAN.

DUA **CALON** YANG BERTANDING **IALAH** BEKAS **PERDANA MENTERI AUSTRALIA?** ENCIK MALCOLM FRASER DAN TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG **KOMANWEL**, CHIEF EMEKA ANYAOKU **DARI** NIGERIA.

MEREKA TELAH **MELOBI** SEJAK AWAL TAHUN **INI** DAN DIPERCAYAI TIDAK ADA ANTARA MEREKA YANG MAHU MENGUNDURKAN DIRI. -- **LAGI**
1937MST 16 10 89

D507

U B564 A A B

CHOGM - PERSETUJUAN 2 KUALA LUMPUR

SUMBER-SUMBER ITU **BERKATA**, ENCIK **FRASER**, SELAIN DARIPADA MENDAPAT SOKONGAN KERAJAAN **AUSTRALIA**, **JUGA** BOLEH MENGHARAPKAN SOKONGAN DARIPADA **KANADA**, **BRITAIN!** NEGARA-NEGARA PASIFIK SELATAN **DAN** **KEBANYAKAN** NEGARA **ASIA** DAN **BEBERAPA** NEGARA **AFRIKA**.

BAGAIMANAPUN, CHIEF **ANYAOKU**, YANG TIBA DI SINI **PADA** MINGGU **LEPAS**, **YAKIN** DIPILIH SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL YANG BARU BERDASARKAN SOKONGAN YANG DITERIMA DARIPADA NEGARA-NEGARA DI **AFRIKA** DAN **INDIA**.

MENURUT SUMBER-SUMBER **ITU**, **INDIA** MEMBERI SOKONGAN KEPADA CHIEF ANYAOKU DAN MENGHARAPKAN NIGERIA SUPAYA MENYOKONG **CALONNYA**, PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG **KOMANWEL**, ENCIK MANMOHAN **MALHOUTRA**, UNTUK MENGGANTIKAN CHIEF ANYAOKU SEBAGAI TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG.

SUMBER-SUMBER ITU **BERKATA**, NEGARA-NEGARA YANG TIDAK MEMBERI SOKONGAN KEPADA CHIEF ANYAOKU BERBUAT DEMIKIAN **UNTUK** MENGELAK KEPIMPINAN KOMANWEL DARIPADA DIMONOPOLI OLEH ORANG-ORANG YANG **SAMA**, SEPERTI CHIEF **ANYAOKU**, YANG TELAH BEKERJA DENGAN SEKRETARIAT KOMANWEL SELAMA HAMPIR **25** TAHUN.

MENURUT SUMBER-SUMBER **ITU**, CHIEF ANYAOKU TIDAK **MUNGKIN** MEMBAWA **BANYAK** PERUBAHAN KERANA TELAH BERADA DALAH **SEKRETARIAT** ITU SEJAK IA DIWUJUGKAN. -- **LAGI**
1939MST 16 10 89

D508

U B565 A A B

CHOGM - PERSETUJUAN 3 KUALA LUMPUR

ENCIK FRASER DIJANGKA DAPAT MENGUBAH ARAH SEKRETARIAT KOMANWEL TERUTAMA DALAM **MENGHADAPI** CABARAN-CABARAN DALAM **ABAD** KE-21.

MALAYSIA, SEBAGAI PENERUS SIDANG KEMUNCAK **ITU**, TELAH MENGULANGI PENDIRIANNYA UNTUK BERKECUALI DALAM PEREBUTAN **ITU**.

PARA PEMIMPIN KOMANWEL DIJANGKA MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI SETIAUSAHA AGUNG YANG BARU SEMASA **BERISTIREHATDI** PULAU LANGKAWI **DARI** 20 HINGGA 22 OKT.

-- BERNAMA

1940MST 16 10 8 9